



## PEKELILING BENDAHARI BIL. 5/2025

---

### TATACARA PENGURUSAN PENGECAULIAN CUKAI BAGI DERMA/ SUMBANGAN KEPADA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM) DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

#### 1.0 TUJUAN

Tatacara ini bertujuan untuk menerangkan pengurusan pengecaulian cukai di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi derma / sumbangan dalam bentuk terimaan wang.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 UKM telah mendapat kelulusan pengecaulian cukai pendapatan di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi tempoh lima (5) tahun mulai 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2029 melalui surat rujukan LHDN.AG.600-12/1/4-6.1412 yang bertarikh 26 Februari 2025.
- 2.2 Berdasarkan kelulusan ini, UKM diberi kuasa untuk mengeluarkan resit pengecaulian cukai bagi derma / sumbangan dalam bentuk terimaan wang yang diterima melalui kaedah perbankan internet / cek / draf bank.
- 2.3 Kelulusan pengecaulian cukai adalah berdasarkan kepada objektif UKM iaitu Pendidikan, Pembelajaran, Pengajaran dan Penyelidikan yang memberi manfaat kepada pelajar dan Universiti.

#### 3.0 SYARAT DAN PERATURAN PENGECAULIAN CUKAI SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967

- 3.1 Derma / sumbangan yang diterima adalah melalui kaedah perbankan internet / cek / draf bank kepada UKM.

- 3.2 Derma / sumbangan yang diterima hendaklah bebas dari sebarang syarat / ikatan / balasan.
- 3.3 Khidmat atau manfaat yang diberikan kepada pelajar UKM mestilah terbuka tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan.
- 3.4 Manfaat derma / sumbangan tidak boleh dinikmati secara langsung oleh Pengasas / Ahli Lembaga Pemegang Amanah / Ahli Lembaga Pengarah Universiti / Ahli Jawatankuasa, keluarga dan kakitangan UKM.
- 3.5 Khidmat atau manfaat tidak terhad kepada sesuatu kumpulan sasaran, anutan agama, fahaman politik atau kawasan tertentu.
- 3.6 Pengasas / Ahli Lembaga Pemegang Amanah / Ahli Lembaga Pengarah Universiti/ Ahli Jawatankuasa / kakitangan UKM tidak boleh menggunakan kuasa dan kedudukan mereka untuk kepentingan tertentu melalui UKM.
- 3.7 Sekurang-kurangnya 50% daripada pendapatan derma / sumbangan yang diperolehi dalam tahun terdahulu mestilah dibelanjakan pada tahun semasa untuk aktiviti / program organisasi tertakluk kepada peraturan kewangan Universiti yang berkuatkuasa.

## **4.0 TATACARA PENGURUSAN PENGECUALIAN CUKAI SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967**

### **4.1 Permohonan kutipan derma / sumbangan**

4.1.1 Semua kutipan derma/ sumbangan mestilah diluluskan oleh Naib Canselor.

4.1.2 Setiap permohonan hendaklah dikemukakan seperti berikut:

a. Fakulti / Pusat Tanggungjawab (PTj):

Permohonan hendaklah dikemukakan melalui Pejabat Naib Canselor.

b. Aktiviti / program pelajar:

Permohonan hendaklah dikemukakan melalui sistem i-Star.

### **4.2 Pengeluaran Resit Rasmi bagi terimaan derma/ sumbangan**

4.2.1 Penderma / penyumbang hendaklah mengemukakan bukti bayaran penyaluran derma / sumbangan berserta maklumat penyumbang kepada PTj.

4.2.2 Bagi melayakkan pengeluaran Resit Rasmi pengecualian cukai, Fakulti / PTj / Pelajar perlu memastikan penderma / penyumbang mengemukakan bukti bayaran dan maklumat lengkap kepada Jabatan Bendahari seperti berikut:

- a. Penderma / penyumbang individu
  - i. Nama penderma / penyumbang;
  - ii. Nombor Kad Pengenalan / No Pasport penderma / penyumbang; dan
  - iii. Alamat lengkap penderma / penyumbang.
  
- b. Penderma / penyumbang selain individu
  - i. Nama Syarikat / Organisasi;
  - ii. Nombor Pendaftaran Syarikat / Organisasi; dan
  - iii. Alamat lengkap Syarikat / Organisasi.

4.2.3 Pengeluaran resit akan dilakukan oleh Unit Kutipan Hasil / Unit Kewangan Pelajar / Zon Kewangan Kuala Lumpur / Zon Kewangan Cheras mengikut lokasi PTj masing-masing.

### **4.3 Permohonan pengecualian cukai**

#### **4.3.1 Bagi Fakulti / PTj**

- a. Fakulti/ PTj membuat permohonan pengecualian cukai kepada Jabatan Bendahari melalui *Google Form* pada pautan ini.
- b. Pemakluman bertulis akan diberikan kepada Fakulti/ PTj oleh Unit Kutipan Hasil, Bahagian Hasil, Jabatan Bendahari.

#### **4.3.2 Bagi aktiviti / program pelajar**

- a. Pelajar membuat permohonan pengecualian cukai melalui sistem i-Star
- b. Hal Ehwal Pelajar (HEP) akan mengemukakan permohonan pengecualian cukai kepada Unit Kewangan Pelajar, Bahagian Hasil, Jabatan Bendahari.

- c. Pemakluman bertulis akan diberikan kepada pelajar oleh Unit Kewangan Pelajar, Bahagian Hasil, Jabatan Bendahari.

## **5.0 LAYANAN CUKAI KE ATAS PENDERMA/ PENYUMBANG**

- 5.1 Penderma / penyumbang yang memberi derma/ sumbangan kepada UKM yang telah diluluskan bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 layak mendapat tolakan cukai atas derma / sumbangan dalam pengiraan pendapatan agregat.
- 5.2 Hanya derma / sumbangan yang disokong oleh Resit Rasmi UKM layak untuk tolakan cukai.
- 5.3 Derma / sumbangan berbentuk barangan seperti makanan, pakaian, komputer, saham dan bahan binaan tidak layak untuk pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.
- 5.4 Derma / sumbangan di bawah kelulusan Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), aman pengecualian cukai yang diberikan kepada individu/ syarikat/ organisasi adalah tertakluk kepada peraturan LHDN.

## **6.0 PENGUATKUASAAN**

Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh pekeliling ini dikeluarkan. Pekeliling ini hendaklah dipatuhi seperti mana peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh LHDN.

## **7.0 PEMBATALAN**

Pekeliling ini membatalkan Pekeliling Bendahari Bil. 13/2018 : Tatacara Kelulusan Tolakan Cukai Kepada Penderma Yang Menyumbang Kepada Universiti Kebangsaan Malaysia Menurut Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.